

MEMO

KEPADA : KETUA PENGARAH MPC

MELALUI : **Suhaimi Hamad**
Pengarah PCD

DARIPADA : **Lee Wan Wei**
Pengurus

TARIKH : 19 Mei 2021

PERKARA : **PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN
YURAN KURSUS PROGRAM MYRESKILL IOT *PILOT*
DAN *TRAINING OF TRAINERS (TTT)***

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Untuk makluman YBhg. Dato', program *MyReskill IOT* dijalankan dengan tujuan untuk menggalakkan pelaksanaan dan pengadaptasian *Industry4.0* di dalam industri dan syarikat. Program ini menyasarkan 5,000 syarikat kecil dan sederhana (SME) bagi tahun 2021-2022.
2. Justeru, bagi membolehkan program ini dijalankan, satu program *pilot dan training of trainers dan pilot* akan melibatkan penyertaan sebanyak 100 pusat teknologi dan syarikat dengan kos per pax RM1,600 (termasuk 6% SST) dengan kos keseluruhan sebanyak RM160,000 untuk dilatih sebagai pakar dalam pelaksanaan program *MyReskill IOT* bagi tahun 2021-2022.
3. Penyertaan kesemua pusat teknologi dan syarikat ini adalah ditaja oleh MPC selaras inisiatif di bawah Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik (EEPN) bagi menggalakkan pembangunan industri dalam permulaan perjalanan mereka dalam *Industry4.0*.
4. Bagi tujuan ini, kami telah melantik syarikat Elliance sebagai rakan kerjasama dalam pelaksanaan program latihan ini. Untuk pengetahuan YBhg Dato', proses pelantikan dan pembayaran kepada syarikat ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PK7.3) Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan Atau Syarikat Swasta (Pindaan Pada 15 Julai 2019) yang mengecualikan kajian pasaran dan memerlukan kelulusan pegawai pengawal.
5. Dengan ini, kami ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan pembayaran yuran penyertaan kepada syarikat Elliance bagi program ini sepertimana yang dijelaskan di atas.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,



Lee Wan Wei
Pengurus
EEPN/PGD

Disokong oleh,



Suhaimi Hamad
Pengarah
PGD/PCD

Diluluskan oleh,



Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia